



SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Bil. 29 / 2022

PEMAKLUMAN HARI PENAMAAN CALON PILIHAN RAYA UMUM KE-15 (PRU KE-15) DAN PILIHAN RAYA KECIL DEWAN UNDANGAN NEGERI (PRK DUN) N.66 BUGAYA, SABAH

1. Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menetapkan tarikh **Hari Penamaan Calon** bagi PRU Ke-15 dan PRK DUN N.66 Bugaya, Sabah adalah pada **5 November 2022 (Sabtu)**.

2. Pada Hari Penamaan Calon, kertas penamaan calon boleh diserahkan dari **jam 9.00 pagi sehingga 10.00 pagi** kepada Pegawai Pengurus di **222 Pusat Penamaan Calon (PPC)** yang berkenaan oleh pihak-pihak seperti berikut:
 - a. calon, pencadang dan penyokong; **atau**
 - b. mana-mana dua orang daripada mereka; **atau**
 - c. mana-mana seorang daripada mereka.

3. Bagi melancarkan proses penamaan calon, SPR menyarankan kepada bakal-bakal calon yang ingin bertanding dalam PRU Ke-15 dan PRK DUN N.66 Bugaya, Sabah agar mengisi borang dan membuat semakan awal dengan **Pejabat Pegawai Pengurus atau Pejabat Pilihan Raya Negeri** di seluruh negara, sebelum Hari Penamaan Calon.
4. Selain itu, bakal-bakal calon juga adalah disarankan untuk membuat pembayaran deposit lebih awal dan resit pembayaran tersebut hendaklah dibawa pada Hari Penamaan Calon sebagai bukti pembayaran. Ini bertujuan untuk memastikan semua proses penamaan calon dapat diselesaikan lebih awal dan berjalan lancar.
5. Bagi bakal-bakal calon yang mewakili mana-mana parti politik, adalah diingatkan bahawa surat kebenaran untuk menggunakan simbol parti yang diwakili hendaklah dikemukakan semasa menyerahkan Kertas Penamaan Calon.

6. **Pada Hari Penamaan Calon, hanya calon, pencadang calon dan penyokong calon dibenarkan masuk ke PPC.**
Penggunaan semua jenis alat muzik ataupun pembesar suara bagi tujuan dakwah politik melalui apa-apa cara termasuk menerusi penggunaan apa jua jenis kenderaan adalah tidak dibenarkan pada Hari Penamaan Calon dan merupakan satu kesalahan di bawah **Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.**
7. Orang awam serta penyokong-penyokong yang mengiringi calon adalah **dilarang menunggu atau berada dalam jarak 50 meter dari sempadan PPC yang telah ditetapkan.**
8. SPR menyeru kepada semua calon dan parti-parti politik yang terlibat agar sentiasa mematuhi undang-undang, peraturan, tata etika dan arahan-arahan yang dikeluarkan oleh SPR, PDRM dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada Hari Penamaan Calon.

Sekian, terima kasih.

DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK

Setiausaha

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia

1 November 2022 / 6 Rabiulakhir 1444H